

20 NOV 1997

MT-SAHAN

URUSNIAGA BSKL TAK AKAN DIGANTUNG, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, Nov 20 (Bernama) -- Kerajaan tidak bercadang untuk menggantung urusan di Bursa Saham Kuala Lumpur biarpun harga-harga saham jatuh meredum dengan paras antara terendah sepanjang hari ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim malam ini.

Kejatuhan 66.87 mata BSKL hari ini untuk ditutup pada 536.62 mata, antara lain disebabkan jualan tabung asing dan khabar-khabar angin yang menyatakan sesetengah institusi kewangan negara tidak stabil.

Bercakap pada sidang berita selepas mesyuarat khas Majlis Tertinggi UMNO malam ini, Anwar berkata: "Tidak timbul sama sekali khabar angin tersebut dan kedudukan institusi kewangan kita masih kukuh.

"Khabar-khabar angin yang disebarkan itu tidak bertanggung jawab dan ini telah dinafikan oleh bank negara tetapi bukan menjadi kerja kita untuk menafikan khabar-khabar angin setiap hari," kata beliau.

Mengulas khabar angin dari Singapura itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Saya tidak tahu mengapa tetapi saya agak mungkin ianya satu perkara biasa kerana ekonomi kita bersaing."

Beliau juga menegur sikap segelintir rakyat Malaysia yang mudah mempercayai khabar-khabar angin yang datang dari negara luar.

"Rakyat Malaysia baik-baik belaka dan tidak menyebarkan sebarang khabar angin mengenai Singapura tetapi kita terkenal sebagai golongan yang suka "menembak kaki kita sendiri"," kata beliau dengan nada sinis.

Dr Mahathir mendedahkan ada pihak yang menyebarkan khabar angin mengenai Internet kononya beliau tidak dapat mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet "kerana kononya saya pitam, jatuh."

"Ini satu pembbohongan yang disengajakan kerana saya mempengerusikannya sampai pukul satu. Saya tidak pitam ...dan saya masih mampu berdiri.

Katanya Malaysia perlu mengambil tindakan untuk memperbetulkan maklumat yang tidak benar itu yang bertujuan merosakkan negara dan beliau menyifatkan mereka yang terlibat sebagai pengkhianat.

Mengenai kejatuhan saham hari ini, Dr Mahathir berkata mungkin ada sesetengah pelabur yang mempunyai agenda mereka tersendiri walaupun Presiden Perancis Jacques Chirac dan Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus baru-baru telah menyatakan keyakinan mereka terhadap kekukuhan asas ekonomi negara.

Ditanya mengenai BSKL, Dr Mahathir berkata ianya cukup telus tetapi dengan urusan matawang ia tidak sebegitu.

"Inilah yang sedang merosakkan ekonomi dunia, ekonomi Asia Tenggara, tetapi saya dapati rakyat Malaysia sangat gemar mengkritik pasaran saham negara tetapi tidak berminat mengkritik mereka yang menyebabkan segala kerosakan itu." katanya.

Mengenai tabung khas bagi membantu negara di benua Asia menghadapi krisis kewangan, Dr Mahathir berkata memang menjadi pendirian Malaysia supaya ia tidak dikaitkan dengan IMF.

"Sekiranya ia dikaitkan dengan IMF, ia hanyalah sebagai lampiran sahaja," kata beliau.

Sementara itu, Menteri Luar yang juga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata beliau telah dimaklumkan bahawa ramai pemimpin negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) meminta supaya agenda mengenai krisis mata wang didahulukan pada sidang kemuncak Apec di Vancouver, Kanada.

Mengenai pengambilalihan projek hidro elektrik Bakun oleh Menteri

Kewangan Diperbadankan dari Ekran Bhd mulai hari ini, Anwar berkata ia bukanlah untuk menyelamatkan sebuah syarikat bermasalah, tetapi sebuah projek dengan mengambil kira aspek keselamatan dan alam sekitar.

Ekran Bhd, pemaju projek Bakun yang bernilai RM13.6 bilion di pedalaman Sarawak itu, tidak lagi berminat untuk meneruskannya. -- BERNAMA

AD MAM WAT